

Buku Teks muka surat 78 – Hari Keluarga Kampung Sejahtera

SP : 5.2.2 Memahami dan menggunakan pelbagai jenis kata ganda dalam pelbagai situasi dengan betul.

PBD: Bergabung 3.4.1 – menulis perkataan dan frasa dengan menggunakan ejaan dan tanda baca yang tepat secara imlak.

Lengkapkan perenggan menggunakan kata ganda yang telah disenaraikan.

Penduduk Kampung Sejahtera telah mengadakan majlis sambutan Hari Keluarga di kampung mereka. Majlis tersebut telah diadakan di Dewan Masyarakat Kampung Sejahtera. Dalam majlis tersebut, penduduk kampung yang terdiri daripada pelbagai kaum berkumpul dan beramah mesra. Majlis yang diadakan setiap tahun itu amat sesuai untuk memupuk perpaduan kaum.

Majlis Hari Keluarga Kampung Sejahtera diadakan secara besar-besaran. Para **tetamu** yang hadir terdiri daripada pelbagai kaum seperti Melayu, Cina, Kadazandusun, Murut dan Bajau. Selain itu, **saudara-mara**, **rakan-rakan** dan jiran **tetangga** turut hadir. Para tetamu dijamu dengan makanan yang enak-enak seperti kuih-muih dan lauk-pauk.



Para **tetamu** hadir dengan membawa keluarga masing-masing. Ada yang membawa **anak-anak**, _____ dan _____. Mereka _____ sambil menjamu selera. Sikap _____ dan _____

_____ terjalin antara mereka.

Mereka menikmati hidangan yang disediakan dengan berselera. Kuih-muih dan _____ terhidang di atas meja. Juadah yang disediakan _____ belaka. Para tetamu _____ dan _____ sambil beramah mesra.



Sebelum pulang, mereka _____ sesama mereka. Mereka berasa sungguh gembira kerana dapat beramah mesra dan menjamu selera.

hormat-menghormati	anak-anak	enak-enak	minum-minum
ramah-tamah	saudara-mara	bersalam-salaman	makan-makan
berbual-bual	adik-beradik	kuih-muih	lauk-pauk

Cikgu Hasliza

Bergabung SP 1.3.2: Lengkapkan dialog dengan ayat penyata yang sesuai.



A	Sebab saya hanya ikut ibu bapa sahaja
B	Saya tidak suka menghadiri majlis hari keluarga kerana bosan
C	Saya suka menghadiri majlis hari keluarga kerana dapat berjumpa, berkenalan dan beramah mesra bersama keluarga.